

Tambahan RM2b tingkat kemudahan asas sekolah

Bukti kerajaan utamakan bidang pendidikan

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Seremban: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kerajaan memberikan perhatian serius terhadap pelajaran dengan menyalurkan peruntukan tambahan RM2 bilion kepada Kementerian Pendidikan tahun ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun mendapati hutang negara mencecah RM1 trilion, bidang pendidikan tidak boleh dikompromi.

Katanya, soal kemudahan asas di sekolah, termasuk tandas yang perlu diperbaiki dan ditingkatkan.

"Pihak pembangkang sindir saya. Perdana Menteri tandas. Pergi mana-mana bercakap soal tandas sekolah. Tapi ini soal tandas sekolah anak kita.

"Kalau jadi pemimpin, jangan fikir sekolah anak di Kua-



Anwar menyampaikan Anugerah Guru Inspirasi MADANI Negeri Sembilan kepada Roslin Balia pada Majlis Apresiasi Guru-Guru Negeri Sembilan di Seremban, semalam. (Foto Azrul Edham/BH)

la Lumpur, tapi kena ambil kira semua rakyat di negara ini.

"Berapa jumlah yang diperlukan, dinding (tandas) bocor, tapi sudah lebih 61 tahun merdeka.

"Satu lagi Klinik Desa. Tahun ini sahaja diperlukan RM1.4 bilion," katanya ketika berucap pada Majlis Apresiasi Guru-Guru Negeri Sembilan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Be-

sar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Pkharuddin Ghazali.

Selesai masalah tandas

Anwar berkata, beliau sudah mengarahkan supaya masalah tandas sekolah dapat diselesaikan sebelum akhir tahun ini.

Beliau berkata, kerajaan sen-

tiasa amat menghargai khidmat dan sumbangan guru dalam bidang pendidikan bagi melahirkan generasi muda yang berilmu dan berketrampilan.

Beliau berkata, walaupun kadang kala berlaku satu atau dua kes yang mungkin dilihat kurang sihat membabitkan guru seperti dilaporkan media, itu tidak boleh sama sekali mencerminkan keseluruhan kerjaya keguruan.